

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HSA 101 Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA PULUH SATU [31] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A -- Jawab DUA [2] soalan

1. "Sebelum seseorang ahli sejarah dapat mewujudkan fakta sejarah ia haruslah mendekati sumber-sumbernya berlandaskan prinsip-prinsip asas kritikan sumber." Bincangkan.
2. Bincangkan ciri-ciri pensejarahan Melayu tradisional yang terdapat dalam Sejarah Melayu.
3. Berdasarkan Hukum Kanun Melaka, bincangkan konsep jenayah dan hukuman dalam sistem keadilan di Melaka lama.
4. Sejauh manakah unsur-unsur pensejarahan Melayu tradisional, pensejarahan Islam dan pensejarahan Bugis terbayang dalam karya Tuhfat al-Nafis?

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Baca petikan di bawah dan jawab soalan berikut:

Have we been preparing the protected states for self-government of such a nature as to enable us, if so minded, to abandon them to their own guidance? I do not think that anything could justify us in leaving them to anarchy, and our own interests and theirs forbid it. Nothing that we have done has taught them to govern themselves; we are merely teaching them to co-operate with us in governing under our guidance. Moreover, I doubt if Asiatics will ever learn to govern themselves, it is contrary to the genius of their race, of their history, of their religious systems, that they should.

Further it must be borne in mind, that not only has European and Chinese capital been encouraged to flow into the Native States by the order we have established in them, but a large field has been opened to European and Chinese settlement for agricultural planting purposes. This capital is being invested in the confidence that we shall not retire from the protected states....

(Weld kepada Kimberley,
21 October 1880)

Berdasarkan pandangan R.G. Collingwood bahawa "semua sejarah ialah sejarah pemikiran", bincangkan isu-isu dan ide-ide yang mungkin mempengaruhi pola pemikiran Sir Frederik Weld pada tahun 1880.

6. Dekad 1980an merupakan titik permulaan untuk kajian peranan wanita dalam sejarah Singapura dan Malaysia dan, dalam hal ini, James Warren telah berjaya memulakan suatu kajian sejarah pelacuran di Singapura dengan pendekatan yang dianggap innovatif. Mengapa ahli sejarah telah menjadi lebih sedar tentang peranan wanita dalam sejarah dan apakah ciri-ciri yang dianggap innovatif dalam pendekatan James Warren?

7. "Adalah suatu prinsip sejarah bahawa seseorang ahli sejarah sentiasa membuat penyataan umum atau kesimpulan tentang sesuatu isu, peristiwa atau perkembangan. Berdasarkan bukti-bukti dalam minit-minit mesyuarat Persatuan-Persatuan Melayu itu, apakah kesimpulan yang di dapati tentang corak kepimpinan dalam pergerakan persatuan-persatuan Melayu sebelum pendudukan Jepun? (Anda boleh merujuk kepada dokumen (Lampiran A) yang disediakan).
8. Pendekatan ahli sejarah terhadap soal penjelasan memerlukan penyiasatan matlamat sipelaku dan keadaan-keadaan sekeliling seperti keadaan politik, ekonomi, ugama, alam dan sebagainya yang mewujudkan matlamat itu. Berdasarkan pandangan itu, kenalpastikan matlamat Tok Janggut dan keadaan sekeliling yang mencetuskan pemberontakan di Kelantan pada tahun 1915. (Anda boleh merujuk kepada dokumen (Lampiran B) yang disediakan).

.../LAMPIRAN A

.../4

LAMPIRAN A

**Minit Persidangan Persatuan-Persatuan Melayu
Semenanjung Tanah Melayu Yang Kedua Kali**

Peringatan Persidangan Persatuan-Persatuan Melayu Yang Kedua Kali diadakan pada hari Rabu dan Khamis 25 dan 26hb Disember 1940 di rumah Persekutuan Guru-Guru Melayu Singapura, Palembang Road, Singapura.

Yang hadir bagi pihak Persatuan Melayu Perak:

Encik Tak, Datuk Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta
Encik Ahmad Karim

Bagi pihak Persatuan Melayu Selangor:

Y.M. Tengku Ismail b. Tengku Mohd. Yassin (Peguam)
Y.M. Raja Bon b. Raja Yahaya
Y.M. Raja Yaakob b. Raja Alang
Encik Ismail b. Mohd. Saad
Encik Yunus b. Abdul Hamid
Encik Noraldin b. Nawi
Tuan Hj. Mohd. Kamal
Tuan Hj. Mohd. Dahlan Mashod

Bagi pihak Persatuan Melayu Pahang:

Encik Mohd. Tahar b. Setia Raja
Encik Mohd. b. Bagina Besar

Bagi pihak Persatuan Melayu Negeri Sembilan:

Y.T.M. Tengku Nasir (Tg. Panglima Besar)
Datuk Raja Di Raja Muid
Y.M. Raja Mohd Noordin b. Raja Dali

Bagi pihak Persatuan Melayu Sarawak:

Abang Hj. Zaini b. Datuk Bentara
Encik Mohd. Johari b. Inang
Encik Mohd. Mahmud b. Noor

Bagi pihak Persatuan Melayu Brunei:

Encik Mohd. Hassan

LAMPIRAN A

**Minit Persidangan Persatuan-Persatuan Melayu
Semenanjung Tanah Melayu Yang Kedua Kali**

Peringatan Persidangan Persatuan-Persatuan Melayu Yang Kedua Kali diadakan pada hari Rabu dan Khamis 25 dan 26hb Disember 1940 di rumah Persekutuan Guru-Guru Melayu Singapura, Palembang Road, Singapura.

Bagi pihak Kesatuan Melayu Johor:

Dr. Hamzah b. Hj. Taib
Capt. Mohd. Noor b. Hj. Ismail
Encik Jaafar b. Hj. Abd. Rahman
Tuan Hj. Hashim b. Hitam
Tuan Hj. Mohd. b. Hj. Hassan
Tuan Hj. Arshad b. Awang

Bagi pihak Persatuan Melayu Kelantan:

Encik Ibrahim b. Hj. Yaakob
Encik Ismail b. Ibrahim

Bagi pihak Kesatuan Negeri-Negeri Selat Cawangan Melaka:

Encik Mohd. Ali b. Mohd. Araf
Encik Osman b. Kering (Orang Kaya Seri Raja Merah Datuk Penghulu Naning)
Encik Sidin b. Abdullah

Bagi pihak Kesatuan Melayu Negeri-Negeri Selat Cawangan Pulau Pinang:

Encik Abdul Majid b. Abd Hamid
Encik Abu Bakar b. Mohd. Noor
Encik Abdul Wahab b. Mohd. Zain

Bagi pihak Kesatuan Melayu Negeri-Negeri Selat (Singapura):

Encik Daud b. Mohd Syah (J.P.)
Encik Ashak b. Ahmad
Tuan Putera Jumaat
Encik Ismail b. Abdul Aziz
Encik Yunan b. Hj. Daim
Encik Abd. Rahim b. Ibrahim

Hari yang pertama 25hb Disember 1940 persidangan diadakan pada pukul 9.35 pagi.

Sebelum persidangan dimulakan maka sekumpulan kanak-kanak dari Sekolah Melayu Tanglin Tinggi menyanyi suatu lagu Kebangsaan Melayu dipandu oleh Encik Mohd. Sidik bin Hj. Ismail

Encik Daud bin Mohd. Syah, Yang Di Pertua Kesatuan Melayu Negeri-Negeri Selat (Singapura), memberi suatu ucapan bagi pihak Kesatuan Melayu Negeri-Negeri Selat (Singapura) mengalu-alukan kedatangan wakil-wakil bagi Persatuan-Persatuan Melayu yang hadir dan mengenalkan mereka itu kepada persidangan.

Yang Mulia Tengku Ismail bin Tengku Mohd. Yassin, Yang Di Pertua Persatuan Melayu Selangor, membalas ucapan selamat itu bagi pihak Persatuan-persatuan Melayu yang lain.

Dengan cadangan Encik Daud bin Mohd. Syah dan disokongi oleh Encik Mohd. Ali bin Mohd. Araf, Y.M. Tengku Ismail bin Tengku Mohd. Yassin dengan sebulat suara dipilih menjadi pengurus dan dengan cadangan Tuan Hj. Hashim bin Hitam serta disokong oleh Encik Jaafar b. Hj. Abdul Manan, Encik Ishak b. Hj. Mohammad dengan sebulat suara dipilih menjadi Setiausaha bagi persidangan itu.

Tuan Pengurus melafazkan suatu ucapan terimakasih kepada persidangan kerana memilih akan dia jadi Pengurus seraya menyebut perihal perjumpaan pertama yang telah diadakan di Kuala Lumpur dalam bulan Ogos tahun 1939 dan dihadiri oleh wakil-wakil bagi tujuh buah persatuan-persatuan Melayu.

Lepas itu persidangan membicarakan fasal pembahagian undi kerana bilangan wakil-wakil bagi sesebuah persidangan yang mengambil bahagian tidak sama banyaknya: iaitu ada yang dua, ada yang tiga, ada yang lima, dan ada pula yang delapan orang. Keputusannya ditetapkan tiap-tiap sebuah persatuan beroleh satu undi sahaja. Maka Kesatuan Melayu Negeri-Negeri Selat Cawangan Melaka dan Cawangan Pulau Pinang dihitungkan seperti persatuan-persatuan bersendirii dan beroleh satu undi masing-masing.

Giliran yang pertama membawa cadangan terjatuh kepada Persatuan Melayu Perak dan cadangannya ialah: "bagaimana jalannya untuk meluaskan pelajaran anak-anak Melayu laki-laki dan perempuan pada masa yang akan datang" Datuk Muda Orangkaya-Orangkaya Panglima Kinta, Yang DiPertua Persatuan Melayu Perak, bangun bercakap. Wakil Perak itu tidak membutirkan sesuatu cadangan yang tertentu bahkan ia membukakan perkara itu bagi timbangan persidangan.

Encik Ismail b. Abd. Aziz (Singapura) bercakap memberi fikirannya serta mendatangkan syor supaya diadakan scholarship kerana pelajaran tinggi oleh sekelian Persatuan-Persatuan Melayu. Keduanya ia mengesyorkan supaya pelajaran di Sekolah Melayu dinaikkan hingga darjah enam dan tujuh dimana-mana tempat yang patut diadakan. Ketiganya ia mengesyorkan supaya diadakan sekolah pertukangan dengan ajaran dalam bahasa Melayu. Bagi anak-anak perempuan Melayu ia padakan dengan pelajaran Sekolah Melayu seperti yang ada sekarang, termasuk pelajaran rumahtangga. Melainkan anak-anak perempuan bagi orang-orang kaya. Mereka itu Tuan Hj. Mohamad b. Hassan (Johor), mengesyorkan supaya ajaran tulisan rumi dalam Sekolah-Sekolah dihapuskan dan digantikan dengan ajaran bahasa Inggeris.

Encik Mohamad Yunus b. Hamid (Selangor) mengesyorkan supaya ditanam perasaan kebangsaan Melayu pada murid-murid di Sekolah-Sekolah Melayu. Ia bersetuju dengan syor menaikkan darjah Sekolah Melayu dan mengadakan scholarship.

Raja Bon b. Raja Yahaya (Selangor) dan Dr. Hamzah b. Hj. Zaib (Johor) menyokong syor-syor Encik Ismail b. Abd. Aziz (wakil Singapura). Raja Bon mengesyorkan supaya ditulis surat rayuan kepada perintahan. Cadangan ini disokong oleh Encik Daud b. Mohd Syah (Singapura).

Raja Yaakob b. Raja Alang (Selangor) menunjukkan bahawa masa pada sisi wakil-wakil itu pendek pada hal banyak cadangan yang ditimbangkan. Ia mengesyorkan supaya cadangan-cadangan yang besar dan utama sahaja dibawa ke tengah.

Encik Mohd. Tahar b. Setis Raja (Pahang) dan Encik Mohd. Ali b. Araf (Melaka) memberi fikiran masing-masing berkenaan perkara ini.

Tengku Pengurus mengulas buah-buah fikiran yang dibentangkan dan menyatakan pendapatnya sendiri iaitu scholarship sayugia diadakan oleh masing-masing persatuan. Ia bersetuju supaya dinaikkan pelajaran Sekolah Melayu.

Encik Ismail b. Mohd. Syah (Selangor) mencadangkan, disokongi Encik Ibrahim b. Haji Yaakob (Kelantan), bahawa perkara ini ditangguhkan. Cadangan ini diluluskan oleh persidangan.

Apabila tiba pada giliran Persatuan Melayu Selangor membawa cadangan-cadangannya maka Tengku Pengurus menyatakan ada suatu cadangan persatuannya yang tidak sempat dimasukkan di dalam kerja-kerja persidangan ini iaitu, "patut persatuan-persauan Melayu mengadakan kumpulan wang kerana membeli kapal terbang "Spitfire". Ia berharap perkara ini boleh kiranya dibenar dibicarakan oleh persidangan.

Pada tentang ini Encik Daud b. Mohd Syah (Singapura) bangun menyatakan yang kesatuan Melayu Negeri-Negeri Selat (Singapura) ada suatu cadangan seumpama cadangan Selangor itu juga. Ia menambah kata lagi sekiranya persidangan bersetuju bolehlah perkara ini dibentangkan oleh Wakil Singapura yang telah ditetapkan akan membawanya iaitu Tuan Putera Jumaat.

Tuan Putera Jumaat (Singapura) mencadangkan supaya Persatuan-Persatuan Melayu yang mengambil bahagian dalam persidangan ini bersekutu mengadakan loteri kerana membantu perintahan Inggeris dalam masa peperangan yang ada ini. Cadangan itu disokong oleh Tuan Hj. Hashim (Johor) dan disertai oleh Raja Yaakob (Selangor).

Apabila perkara ini dikemukakan kepada Persidangan maka Encik Mohd. Tahar (Pahang) dan Encik Mohd. Hassan (Brunei) menyokong cadangan itu. Dr. Hamzah b. Hj. Taib (Johor) menyatakan fikirannya tidak bersetuju wang kumpulan itu dibelikan kapalterbang kerana iaitu akan membunuh kanak-kanak dan perempuan.

Tengku Pengerusi mengulas seraya mengatakan jikalau kita tidak membunuh musuh nescaya dia akan membunuh kanak-kanak dan perempuan kita sendiri. Keputusannya persidangan bersetuju dengan sebulat suara menolong perintahan Inggeris dengan seberapa daya-upaya dalam masa peperangan itu. Dengan cadangan Tengku Pengerusi dan disokong oleh Datuk Muda Orangkaya-Orangkaya Panglima Kinta maka suatu Jawatankuasa dilantik bagi menghalusi jalan-jalan yang baik sekali pada mengadakan bantuan itu. Jawatankuasa itu mengandungi seorang daripada tiap-tiap Persatuan Melayu yang hadzir. Nama-nama tuan-tuan yang dipilih jadi anggota jawatankuasa itu adalah seperti dibawah ini:

Singapura	-	Tuan Putera Jumaat
Perak	-	Datuk Muda Orangkaya-Orangkaya Panglima Kinta
Selangor	-	Y.M. Raja Bon b. Raja Yahaya
Pahang	-	Encik Mohamad b. Baginda Besar
Negeri Sembilan	-	Datuk Raja DiRaja Muid
Sarawak	-	Encik Mohamad Makmun b. Nor
Brunei	-	Encik Mohd. Hassan
Melaka	-	Datuk Penghulu Naning
Pulau Pinang	-	Encik Abd. Majid b. Abd. Hamid
Johor	-	Tuan Hj. Mohamad b. Hj. Hassan
Kelantan	-	Encik Ibrahim b. Hj. Yaakob

Setiausaha Jawatankuasa ini ialah Encik Ishak b. Hj. Mohamad. Setiausaha Persidangan. Kemudian persidangan terus pula menimbangkan cadangan-cadangan Persatuan Melayu Selangor. Tengku Pengerusi membawa cadangan, "cukai pendapatan tidak

patut dijalankan dalam Malaya". Tengku Pengerusi memberi beberapa sebab maka cukai pendapatan itu tidak patut dikenakan dalam negeri ini. Setengah daripada sebab-sebabnya ialah cukai itu tidak sama berat. Pada masa ini telah diketahui kecabulan kakitangan-kakitangan perintahan. Cukai itu akan memberi pekerjaan kepada orang asing lebih daripada orang Melayu. Apabila berjalan cukai itu kelak orang-orang asing akan menuntut lebih-lebih hak negeri kerana maka itu taat dan membayar cukai. Pada masa ini belum ada orang yang cukup faham berkenaan dengan cukai pendapatan. Kira-kira perniagaan dalam negeri ini berlainan aturannya. Oleh itu sukar hendak dikira cukai itu. Dan lagi jikalau berjalan cukai itu nescaya terbuka rahsia-rahsia perniagaan. Lagi pula tidak ada sesuatu akuan yang menentukan bahawa cukai itu tidak diturunkan hadnya. Dan penghabisannya sungguh pun dikatakan cukai itu akan dikenakan dalam masa peperangan ini sahaja, harus juga iaitu akan menjadi cukai yang tetap.

Hingga ini (12.30) persidangan pun ditangguhkan dan wakil-wakil itu pun beredar ke Islamic Restaurant di North Bridge Road kerana makan tengah hari.

Apabila persidangan disambungkan semula maka Y.M. Tengku Ismail mengulangi lagi sebab-sebabnya maka patut dibangkang cukai pendapatkan itu.

Dr. Hamzah b. Hj. Taib (Johor) menyokong cadangan Selangor itu.

Encik Abd. Rahim b. Ibrahim (Singapura) mencadangkan suatu pindaan kepada cadangan yang asal itu. Kata Encik Abd. Rahim, "saya cadangkan bahawa perkataan "Malaya" dalam cadangan yang asal itu dipinda dengan Perkataan-perkataan "Kerajaan-Kerajaan Melayu". Dalam Kerajaan-Kerajaan Melayu (Malay States) boleh dibangkang cukai pendapatkan kerana Kerajaan-Kerajaan Melayu itu ialah Sovereign State (Kerajaan-Kerajaan Pertuan) yang tidak terkandung dalam British Empire (Pemerintahan Besar British) ertinya Kerajaan Pertuan itu ia mengeluarkan perintah kepada sekalian manusia dan persatuan dalam negeri dan ia tidak menerima perintah dari luar negeri.

"Sekiranya diluluskan juga cukai pendapatan didalam Straits Settlement (Pendudukan-pendudukan Selat) maka bukanlah ertinya tak dapat tidak diluluskan jua dia dalam Kerajaan-Kerajaan Melayu. Saya suka menguatkan bahawa tiap-tiap orang Melayu ialah satu anggota bagi Kerajaan Melayu. Ianya berhak berkata-kata sebelum dikeluarkan sesuatu undang-undang.

"Ada pun Pendudukan-pendudukan Selat ini lainlah kiranya. Iaitu tanah yang dipunyai oleh Great Britain pada hal di Great Britain isi negerinya dikenakan cukai

pendapatan, di atas itu pula nyawa mereka sekarang ada dihujung tanduk. Jadi tidaklah molek tanah jajahan seperti Penduduk-Pendudukan Selat ini tidak menurut tauladan negeri ibunya.

"Sebanyak yang berkenaan dengan Pendudukan-Pendudukan Selat, Kesatuan Melayu Selat berfikir patut diadakan cukai pendapatan dan keputusan itu sudah pun dihamparkan kepada perintahan. Tinggal lagi Kerajaan-Kerajaan Melayu boleh membangkang cukai pendapatan dengan alasan-alasan siasah dan perlembagaan (Political and Constitutional Reasons)"

Pindaan itu disokong oleh Raja Bon bin Raja Yahaya.

Encik Ibrahim b. Yaakob wakil Kelantan membangkang dan bangkangannya itu disokong oleh Datuk Muda Orangkaya-Orangkaya Panglima Kinta wakil Perak.

Cadangan itu seperti yang dipinda pun diundikan, keputusannya pihak cadangan dapat tujuh undi berlawan dengan tiga undi bagi pihak pembangkang.

Cadangan Persatuan Melayu Selangor, bahawa bahasa Melayu dan tulisan Jawi patut dijadikan bahasa dan tulisan perjawatan oleh Kerajaan-Kerajaan Melayu". Itu tidak dibawa ketengah.

Cadangan Selangor yang akhir iaitu, "taarif Melayu pada Persatuan-Persatuan Melayu yang mengambil bahagian dalam persidangan itu patut disatukan". Dibentangkan oleh Raja Yaakob Raja Alang. Taarif Melayu yang dikehendakinya begini; Yang dikatakan "Melayu" itu ialah seseorang yang keturunannya dari sebelah bapa berasal daripada Semenanjung Melayu atau Gugusan Pulau-Pulau Melayu dan berpegang dengan adat-adat Melayu serta beragama Islam.

Abang Hj. Zaini b. Datuk Bentara (Sarawak) menyokong cadangan Selangor itu.

Encik Daud b. Mohd Syah (Singapura), berkata sekiranya dikehendaki taarif Melayu itu serupa pada segala syaratnya barangkali sukar sedikit. Ia bersetuju dengan syarat keturunan dari sebelah bapa akan tetapi tidak bersetuju dengan syarat beragama Islam. Bagi Kerajaan-Kerajaan Melayu; pada fikirannya taarif Melayu Johor itu molek. Dan lagi ia menunjukkan bahawa takrif Melayu bagi Kesatuan Melayu Selat mempunyai syarat "taraf rupabangsa" (Nasional Status). Ertinya hanyalah orang Melayu rakyat British atau rakyat yang dibawah naungan British sahaja dibenarkan masuk bersekutu, pada takrif Melayu Persatuan-Persatuan Melayu yang lain tidak ada syarat ini.

Raja Mohd. Noruldin b. Raja Deli (Negeri Sembilan) menerangkan iaitu sudah hendak diikut takrif Melayu seperti cadangan wakil Selangor itu didalam Negeri Sembilan kerana disana ada berlaku adat perpatih, dan adat itu pula mengambil keturunan pesaka dari sebelah ibu. Datuk Raja Di Raja Muid pun bercakap juga menambah keterangan Raja Mohd. Noruldin itu.

Encik Mohd. Tahar b. Setiaraja (Pahang) berkata pada tentang ianya sendiri sangat bersetuju dengan takrif mengikut keturunan sebelah bapa itu. Akan tetapi persatuan yang diwakilinya itu tiada mempunyai takrif Melayu. Hanya terpulanglah kepada Jawatankuasa persatuan itu menimbaangkan seseorang itu Melayukah atau tidak, apabila ia minta bersekutu. Biasanya jawatankuasa itu menilik, pada tentang orang yang bukan keturunan Melayu jati, adakah dia mempunyai telateh Melayu dan adakah hatinya cenderung pada orang Melayu. Jika adalah ianya demikian maka terimalah permintaan hendak bersekutu itu.

Encik Mohamad b. Baginda Besar (Wakil Pahang juga) berkata iaitu susah hendak diketahui seseorang itu Melayu hatikah atau tidak. Barangkali diketahui oleh persidangan ini, katanya lagi, bahwa pada zaman purbakala orang-orang asing telah datang ke Semenanjung dan ke Gugusan Pulau-Pulau Melayu ini. Boleh jadi setengah-setengah orang yang mengaku Melayu jati itu hanyasanya keturunan daripada orang-orang asing itu.

Encik Mohamad Yunus Abd. Hamid berujar bahawa sekalian manusia dalam dunia ini ialah keturunan Nabi Adam. Akan tetapi pada masa ini telah ada berbagai-bagai bangsa. Oleh itu tentulah ada sesuatu masanya sesuatu puak manusia itu jadi satu keturunan yang tertentu. Umpamanya, kata Encik Mohd. Yunus lagi, jika orang Melayu itu mulai dikatakan (Melayu) pada masa Raja Besar Iskandar atau Raja Iskandar Dzulkarnain, maka daripada masa itulah turun kepada hari ini mereka itu dipanggil "Melayu". Yang ke atas daripada masa Raja Iskandar Besar tidaklah dikatakan "Melayu".

Tengku Pengurus mengulas pendapat-pendapan yang dibawa oleh jurucakap-jurucakap itu sambil ia meminta kepada persatuan-persatuan Melayu yang belum mempunyai takrif atau mempunyai takrif yang tidak ketat supaya berbuat demikian. Dalam perkara ini persidangan tiada mengambil sesuatu keputusan hanya memulangkan perkara takrif itu kepada Persatuan-Persatuan Melayu itu masing-masing.

Cadangan Persekutuan Melayu Negeri Sembilan yang pertama iaitu mengeluarkan Majalah bagi Persatuan-Persatuan Melayu itu ditangguhkan kepada tahun akan datang kerana menimbaangkan pada masa sekarang dunia sedang bergelora.

Cadangan Negeri Sembilan yang kedua ialah berkenaan dengan meminta kepada perintahan supaya melantik seseorang Melayu jati jadi wakil dalam sebarang utusan bersangkut paut dengan Tanah Melayu yang dihantarkan oleh perintahan keluar negeri. Cadangan itu dibawa oleh Datuk Raja Di Raja Muid. Dalam ucapannya Datuk itu menyebutkan utusan Ahyam dan utusan Tanah Melayu bagi persidangan kumpulan Timur yang baharu diadakan di Delhi itu. Dalam kedua-kedua utusan itu tiada seorang pun wakil Melayunya. Ia menambah kata lagi bahawa orang Melayu sekarang bukanlah orang Melayu enam puluh tahun dahulu. Orang Melayu sekarang ada mempunyai pengetahuan pada perkara tentera dan perkara ketukangan dan sebagainya.

Encik Abd. Rahim b. Ibrahim (Singapura) pada menyokong cadangan itu berkata: Saya menyertai perundingan wakil Negeri Sembilan itu. Sebagai menambah perkataan atau alasan pihak pencadang itu saya suka menguatkan bahawa "Melayu" atau "Tanah Melayu" itu mengandungi yang pertamanya Pendudukan-Pendudukan Selat (S.S.) dan yang keduanya Kerajaan-Kerajaan Melayu atau Malay States. Perhatikanlah kiranya perkataan-perkataan "Kerajaan-Kerajaan Melayu" itu kerana mengikut perbahasan pengetahuan cara siasah "Kerajaan" dan "Negeri" itu berlainan maknanya. Kerajaan-kerajaan Melayu itu tidak termasuk dalam pemerintahan besar British.

Apabila dihantar dari sini wakil-wakil bagi persidangan di luar negeri wakil-wakil itu biasanya digelar Malayan delegates atau "Wakil-wakil Tanah Melayu">> Sekiranya digunakan gelaran "Wakil-Wakil Negeri Selat" nescaya mengertilah kita orang Melayu. Akan tetapi apabila digunakan gelaran "Wakil-Wakil Tanah Melayu" - pada hal tidak ada seorang pun orang Melayunya di antara mereka itu - tak dapat tiada orang Melayu raya berasa yang mereka itu sehingga dilupakan dan hak-hak mereka tidak diindahkan.

"Sebagai lagi, Great Britain sekarang sedang mempertahankan lunas-lunas kuasa ramai (democratic principle) dalam peperangan yang ada ini. Suatu daripada lunas-lunas kuasa ramai itu ialah "self government" (perintahan sendiri).

Sedikit masa dahulu seorang Menteri British ada berujar begini: "Tujuan kita bukannya hendak memerintah kaum lain bahkan hendak menolong kaum lain memerintah diri mereka sendiri". Inilah dasar perintah British. Sekarang orang Melayu ingin hendak mengambil bahagian dalam tadbir negeri mereka lebih besar daripada yang ada sekarang. Dari sebab itu patut diberi peluang kepada mereka berbuat demikian.

Pada penghabisan perkataan saya maka saya menyokong rundingan wakil Negeri Sembilan tadi iaitu persidangan ini berpendapat bahawa bila-bila masa perintahan menghantar wakil-wakil Tanah Melayu bagi persidangan-persidangan di luar

negeri hendaklah ada sekurang-kurangnya seorang Wakil Melayu". Cadangan itu diluluskan oleh persidangan dengan sebulat suara.

Persidangan Melayu Pahang dan Kesatuan Melayu Brunei tidak membawa apa-apa cadangan.

Persidangan hari yang pertama tamat pada pukul 4.30 petang. Wakil-wakil beredar ke Hotel Kapal Terbang di Kelang kerana jamuan teh yang diadakan oleh Persidangan Melayu Kelantan.

Di antara tetamu yang hadir dalam majlis jamuan itu ialah Y.B. Encik Onn bin Jaafar, anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Mesyuarat Kerajaan Johor, (ianya hadir juga pada persidangan dari pukul 2 petang itu sebagai seorang pemerhati), Alfazal Tuan Hj. Mohamad Fazallah Suhaimi Al Zahri, Gurubesar Alfardus, Singapura, Syed Ahmad bin Mohd J.P., Encik Zainal Abidin bin Ahmad (Zaaba), Syed Mohd bin Alsagof, Tuan Hj. Abd. Hamid Fazal Al Muari dan lain-lainnya lagi.

Encik Ibrahim bin Hj. Yaakob, Wakil Persatuan Melayu Kelantan, memberi ucapan bagi pihak penjamu. Menjawab bagi pihak tetamu Y.B. Encik Onn bin Jaafar memberi suatu ucapan yang mengandungi bernal dan nasihat yang berguna serta galakan yang gembira bagi kejayaan Persatuan-Persatuan Melayu. Diantara lain-lain ia berkata yang orang-orang Melayu belum jatuh dan tidak akan jatuh. Orang Melayu lemah Melayu belum jatuh dan tidak akan jatuh. Orang Melayu lemah bukan kerana tak pandai, bukan kerana miskin, akan tetapi kerana tidak ada penganjur-penganjur. Katanya lagi oleh kerana sekarang telah ada persatuan-persatuan Melayu hendaklah pegawai-pegawai persatuan-persatuan itu bekerja sungguh-sungguh. Ianya percaya sekiranya persatuan-persatuan itu bekerja sungguh-sungguh, hak-hak orang Melayu pada perkara tadbir dan negeri akan beransur-ansur kembali kepada mereka itu. Sebaliknya jika lau persatuan-persatuan itu bekerja sambil lewa sahaja lebih baiklah tutup akan dia semuanya.

Tuan-tuan yang bercakap lain daripada Y.B. Encik Onn dalam majlis itu ialah Y.M. Tengku Ismail bin Tengku Mohd. Yassin dan Encik Daud bin Mohd. Shah.

Hari Yang Kedua 26hb Disember 1940 Persidangan diadakan pada pukul 9.30 pagi.

Semua wakil-wakil persatuan-persatuan itu hadir melainkan Y.T.M. Tengku Nasir, Tg. Panglima Besar, Tuan Hj. Arshad b. Awang, iaitu seorang wakil Kesatuan Melayu Johor, hadir pada kali yang pertama hari ini.

Setelah persidangan dibuka oleh Tg. Pengurus, maka Encik Daud b. Mohd. Shah berkata oleh sebab kerja-kerja, persidangan itu banyak lagi yang akan diputuskan, ia meminta supaya seorang wakil dibenarkan bercakap atas sesuatu rundingan hanya sekali sahaja. Persidangan bersetuju dengan cara Encik Daud itu.

Setiausaha persidangan menyatakan bahawa jawatankuasa yang bersidang pada malam tadi pertamanya di Hotel Kapalterbang di Kallang dan keduanya di rumah Encik Daud bin MOhd. Shah di Siglap itu telah mendapat keputusan bersetuju membantu perintahan British. Dalam masa peperangan ini dengan jalan loteri. Aturan-aturan ditetapkan adalah seperti ini:

1. Pengelolaan bagi menjalankan loteri itu dipulangkan kepada Kesatuan Melayu Negeri Selat-Selat (Singapura).
2. 40 peratus daripada wang pendapatan loteri itu akan dikirimkan kepada Tuan Winston Churchill melalui Tuan Gabenor bagi membeli kapalterbang "Spitfire"
3. 50 peratus akan diberi sebagai hadiah-hadiah dengan jalan "War Savings Certificate".

iaitu:

25 peratus bagi hadiah yang pertama.

12 peratus bagi hadiah yang kedua & peratus bagi hadiah yang ketiga.

Bakinya dibahagikan kepada 100 hadiah-hadiah hiburan.

10 peratus diperbuat perbelanjaan-perbelanjaan keputusan itu diluluskan oleh persidangan dengan sebulat suara.

Cadangan Kesatuan Melayu Johor ialah "Perkebunan Persatuan-Persatuan Melayu" iaitu dibawa oleh Dr. Hamzah b. Hj. Taib. Tuan Doktor itu menerangkan bagaimana kekayaan tanah Melayu telah dan sedang diperah oleh orang-orang asing pada hal orang-orang Melayu tidak berharta dan bertambah miskin. Ia mengesyurkan supaya persatuan-persatuan Melayu mengadakan "syer" sebanyak dua juta ringgit berharga seringgit pada satu "syer" kerana membeli ladang getah atau ladang kelapa dan sebagainya.

Cadangan itu disokong oleh Encik Mohd. Yunus Abdul Hamid (Selangor) dan Encik Mohd. Hassan (Brunei). Encik Ismail b. Abd. Aziz (Singapura) dan Encik Daud b. Mohd Shah (wakil Singapura juga) menerangkan yang cadangan itu termasuk kedalam perkara perniagaan pada hal berkenaan dengan perniagaan, Kesatuan Melayu Negeri-Negeri Selat tidak dibenarkan menjalankannya.

Tuan Hj. Arshad b. Awang (Johor) menguatkan lagi keterangan-keterangan yang dibentangkan oleh rakannya Dr. Hamzah itu. Encik Mohd. Sahar bin Setia Raja (Pahang) menerangkan sekiranya hendak dijalankan cadangan Johor itu berkehendakan kepada tiga perkara. Pertamanya tanah, keduanya pekerja, ketiganya modal. Menyambungkan perkataannya Encik Mohd. Sahar berkata yang tanah itu masih banyak lagi boleh didapati dengan tidak susah. Tentang pekerja banyak orang Melayu boleh didapati. Hanya pada tentang tadbir orang Melayu keciwa sedikit, orang Melayu belum ada tadbir yang cukup. Syarat yang ketiganya iaitu modal. Disini setengah orang berkata orang Melayu ada mempunyai modal. Akan tetapi wakil Pahang itu mengingatkan persidangan bahawa yang dikatakan modal itu ialah wang yang lebih daripada hajat-hajat kehidupan, pada hal hanya sedikit sahaja daripada orang Melayu yang ada wang lebih daripada hajat-hajat kehidupan mereka. Dengan alasan-alasan itu, Wakil Pahang itu membangkang cadangan Johor itu.

Tengku Pengerusi ketika mengulas berkata cadangan yang dibawa oleh kesatuan Melayu Johor itu boleh dijalankan dengan tiga cara. Pertamanya, Syarikat Kerjasama; pada tentang ini dikehendaki kebenaran perintahan, keduanya dengan jalan kompeni perniagaan, dan ketiganya dengan jalan persatuan. Akan tetapi perkara ini besar dan susah membuatnya jikalau sekalian persatuan-persatuan itu dikumpulkan sekali. Oleh itu pada fikirannya moleklah perkara ini dicuba dan dijalankan oleh persatuan-persatuan Melayu masing-masing. Maka persidangan pun bersetuju dengan syur Tengku Pengerusi itu.

Persatuan Melayu Sarawak jangkanya membawa tiga cadangan tetapi yang pertamanya iaitu "mengadakan lagu kebangsaan Melayu" dibatalkan. Maka yang dua lagi iaitu (1) mencari

jalan bagi melebihkan kerapatan sama bangsa dan (2) mencari jalan bagi membangunkan semangat perniagaan Melayu telah ada terkandung dalam cadangan-cadangan yang dibawa oleh persatuan-persatuan Melayu yang lain. Dari kerana itu, Encik Mohd. Johari b. Inang, dengan persetujuan wakil-wakil Persatuan Melayu Sarawak maka cadangan-cadangan itu ditarik balik.

Encik Ibrahim b. Hj. Yaakob, wakil Persekutuan Melayu Keantan membawa cadangan "patut dilantik suatu jawatankuasa bersekutu bagi Persatuan-Persatuan Melayu Tanah Melayu, Sarawak dan Brunei kerana menyelidik hal-ehwal kehidupan bangsa Melayu dan memberi syur-syur bagi memperbaikinya.

Cadangan Kelantan itu disokong oleh Y.M. Raja Yaakob bin Raja Alang (Selangor) dan Dr. Hamzah bin Hj. Taib (Johor). Encik Mohd. Sahar b. Setia Raja (Pahang) berkata ianya bukan hendak membangkang cadangan Kelantan itu, kerana cadangan itu bukanlah perkara mustahil tetapi pada perkiraannya tidak boleh jadi. Selidik seperti yang dicadangkan oleh wakil Kelantan itu hendaklah meliputi selidik atas siasah dan ikhtisad. Perkara ini hendaklah digali sampai ke akar tunjangnya. Wakil Pahang itu mengingatkan persidangan bahawa perbelanjaan-perbelanjaan berkenaan dengan perkara itu sangat banyak dan ia berfikir persatuan-persatuan Melayu tidak mampu memberi wang yang dikehendaki itu pada masa ini. Keduanya perkara itu tak dapat tidak diperbuat oleh orang-orang pandai. Katanya lagi barangkali ada orang yang layak diantara orang Melayu boleh menjalankan selidik itu akan tetapi mereka itu ada kewajipan yang lebih awal dihadapi mereka. Sungguhpun Persatuan Melayu Pahang ada cadangan yang seumpama itu berkenaan dengan Pahang sahaja, akan tetapi kerja itu belum dapat dijalankan oleh jawatankuasanya.

Y.M. Raja Mohd. Nor Aldin bin Raja Deli (Negeri Sembilan) menyokong cadangan Kelantan itu. Ia bekata jawatankuasa yang dicadangkan itu boleh sambil menyelidik hal kesihatan dan pelajaran orang Melayu.

Encik Daud b. Mohd Shah (Singapura) mencadangkan perkara ini ditangguhkan hingga persidangan tahun yang akan datang. Cadangan itu disokong oleh Tg. Pengurus dengan ulasan yang menasabah, lalu diluluskan oleh persidangan. Pada ketika ini sepucuk kawat dari Setiausaha Kesatuan Melayu Brunei dibacakan, iaitu menyatakan dukacitanya tidak dapat hadir dalam persidangan itu serta mengucapkan selamat dan jaya.

Cadangan Kesatuan Melayu Negeri-Negeri Selat Cawangan Melaka yang pertama, "patut diadakan sekolah pertukangan dengan bahasa Melayu", iaitu dibentangkan oleh Encik Mohd. Ali b. Mohd. Araf.

Dr. Hamzah b. Hj. Taib (Johor) menyokong cadangan itu.

Encik Ismail b. Abd. Aziz (Singapura) mencadangkan suatu pindaan kepada rundingan yang dibawa oleh wakil Melaka itu demikian "meminta kepada perintahan mengadakan sekolah pertukangan dalam bahasa Melayu".

Pindaan itu disokong oleh Y.M. Raja Mohd. Nor Aldin b. Raja Ali (Negeri Sembilan) dan dikuatkan lagi oleh Encik Daud bin Mohd. Shah (Singapura).

Setelah diulas oleh Tg. Pengurus maka cadangan ini seperti yang dipinda diluluskan oleh persidangan dengan sebulat suara.

Cadangan Kesatuan Melayu Negeri-Negeri Selat Cawangan Melaka yang kedua ialah "patut diadakan scholarship bagi Tanah Melayu" telah terkandung didalam cadangan yang dibawa oleh Persatuan Melayu Perak. Oleh itu tidaklah bincangkan dia lagi.

Encik Abd. Majid b. Abd. Hamid, bagi pihak Kesatuan Melayu Negeri-Negeri Cawangan Pulau Pinang, membentangkan suatu cadangan iaitu, "meminta kepada perintahan supaya dilanjutkan umur kanak-kanak Melayu masuk ke Sekolah Inggeris, daripada sebelas tahun kepada dua belas tahun dan dilanjutkan umur mereka lepas sekolah Inggeris kepada 20 tahun".

Encik Mohd. Hassan (Brunei) menyokong cadangan itu. Encik Mohd. Ali b. Mohd. Araf (Melaka) mengesyorkan suatu pindaan kepada cadangan Pulau Pinang itu dengan tambahan "serta dibenarkan kanak-kanak Melayu masuk ke Sekolah Melayu sekurang-kurangnya berumur 5 tahun". Ia menerangkan kesusahan ibubapa yang mempunyai anak-anak yang hampir enam tahun tetapi tidak diterima masuk ke Sekolah Melayu.

Encik Yunan b. Hj. Daim (Singapura) membangkang pindaan yang dibawa oleh Encik Mohd. Ali bin Mohd. Araf itu. Ia menyatakan bahawa kanak-kanak Melayu yang dibawah 6 tahun itu kerap kali tidak maju pelajaran mereka kecuali pada sedikit-sedikitnya.

Encik Ismail b. Abd. Aziz (S'pura) memberi fikirannya iaitu tidak payahlah meminta kepada perintahan melanjutkan umur sekolah bagi kanak-kanak Melayu. Ia mengesyurkan mana-mana ibubapa Melayu yang mampu bolehlah menghantarkan anak-anak mereka terus ke sekolah Inggeris tidak ke sekolah Melayu lagi.

Encik Mohd. Hassan (Brunei) tidak bersetuju dengan syur Encik Ismail b. Abd. Aziz itu kerana katanya lebih banyak ibubapa Melayu yang tidak mempu daripada yang mampu.

Pindaan daripada wakil Melaka itu ialah, dan cadangan wakil Pulau Pinang itu diluluskan oleh persidangan dengan sebulat suara.

Sekarang persidangan beralih menimbangkan cadangan-cadangan daripada Kesatuan Melayu Negeri-Negeri Selat (Singapura).

